

23/07/1998

PKMM gesa 140 industri rebut peluang

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) yakin lebih 140 industri yang terbabit dalam projek prasarana akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek itu secara besar-besaran.

Sehubungan itu, presidennya, Roslan Awang Kechik, menggesa industri berkaitan bersedia menggerakkan keupayaan masing-masing bagi mengeluarkan bahan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pelaksanaan projek berkenaan.

"Apa yang kita harap kerajaan dapat mengagihkan perbelanjaan bagi projek prasarana itu secara saksama, manakala pihak bank tidak lagi mengenakan syarat ketat dalam meluluskan proses pinjaman.

"Kita merayu pihak bank supaya tidak terburu-buru mengambil tindakan mahkamah terhadap kontraktor dalam suasana ekonomi yang agak gawat sekarang kerana projek prasarana memerlukan kehadiran mereka.

"Kami juga berharap projek yang agak lembap tidak terus dimansuhkan kerana ia mungkin boleh dilewatkan bagi memberi nafas baru kepada industri menggerakkan semula projek berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan melaksanakan projek prasarana secara besar-besaran bagi mewujudkan lebih banyak kegiatan ekonomi dan menggerakkan industri lain.

Pendekatan itu, kata Perdana Menteri, adalah satu daripada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kerana projek berkenaan termasuk membabitkan sektor pembinaan boleh memberi faedah kepada 140 industri lain.

Menurut Roslan, industri yang terbabit dalam projek prasarana termasuk pengeluaran simen, batu bata, jubin, besi dan keluli serta batu marmar terjejas apabila banyak projek, termasuk pembinaan tidak dapat dilaksanakan.

"Dengan pengurangan projek baru ini sudah tentunya tiada permintaan dalam pasaran dalam negeri hingga menyebabkan berlaku lebihan bekalan," katanya.

Beliau berharap, langkah kerajaan seperti yang diumumkan Perdana Menteri itu dapat menangani masalah dalam industri berkenaan bagi mengelakkan ia menjadi semakin tenat.

"Kita menganggarkan 15 hingga 20 peratus syarikat yang menghadapi kesulitan terpaksa menghentikan operasi. Jika suasana ini dibiarkan berterusan, maka keadaan industri berkenaan akan menjadi lebih tenat," katanya.

(END)